

15/03/1997

Sebana Cove dorong pertumbuhan industri pelancongan

PUSAT peranginan Sebana Cove di Penggerang, Kota Tinggi menjadi antara projek pembangunan berdekatan kawasan air yang dijangka mampu mendorong pertumbuhan industri pelancongan negara.

Projek seluas 520 hektar itu dimajukan oleh Sebana Holdings Sdn Bhd, syarikat usaha sama antara Arab-Malaysia Development Berhad (AMDB) dan YPJ Holdings Sdn Bhd (YPJ Holdings) dengan pegangan ekuiti 60 dan 40 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongannya melawat pusat peranginan itu kelmarin dan menyatakan pembangunan seumpama itu seharusnya dibangunkan di tempat lain dengan mengambil kira sensitif kepada alam sekitar.

Beliau turut menandatangani plak peringatan sebagai lawatan sulungnya ke pusat peranginan pertama di negara ini yang menawarkan padang golf dan marina bertaraf antarabangsa.

Beliau juga melancarkan Sebana Homepage dan Pengerusi Arab Malaysian Development Bhd (AMDB), Tan Sri Azman Hashim menyampaikan kad keahlian kehormat pusat peranginan itu kepada Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Profesor Dr Jamilah Ariffin; Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Syed Albar dan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Mohd Ali Hassan.

Terdahulu dalam majlis itu, Azman dalam ucapannya berkata, projek Sebana itu berada di kedudukan strategik di tebing Sungai Sebana, mukim Penggerang di daerah Kota Tinggi, Johor.

"Sebana boleh dikunjungi melalui jalan darat dari Kota Tinggi dan juga jalan air melalui sungai Sebana. Setakat ini, kami sedang berusaha mengadakan perkhidmatan feri terus Johor Bahru ke Sebana dan dari Singapura.

"Perkembangan terbaru ialah perkhidmatan feri dari Tanah Merah, Singapura ke Sebana dijangka bermula pada 1 Mei ini," katanya.

Menurutnya, kedudukan Sebana dalam lingkungan kawasan segi tiga pembangunan pelancongan Singapura-Johor-Riau (Sijori) akan menjadikannya tempat tarikan pelancong dan pelabur ke negeri ini.

Kemudahan disediakan di pusat peranginan ini ialah 60 bilik penginapan untuk ahli, pejabat pengawal pelabuhan, kolam renang, gelanggang tenis, kemudahan sukan air dan pengembaraan rimba yang juga sesuai untuk seisi keluarga.

Azman berkata, antara projek sedang giat dijalankan oleh Sebana ialah pembinaan pangsapuri dan rumah yang berhadapan dengan marina serta banglo berhadapan dengan padang golf.

"Kami juga dalam proses perancangan untuk pembinaan hotel yang mempunyai 300 bilik, lengkap dengan kemudahan persidangan," katanya.

(END)